



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

### **SITUASI KES RABIES DALAM KALANGAN MANUSIA DI SARAWAK**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini berkaitan kes rabies dalam kalangan manusia di Sarawak. Sejak 1 Januari 2023 sehingga 15 Mei 2023, sebanyak 11 kes rabies dalam kalangan manusia; termasuk sembilan (9) kes kematian, telah dilaporkan di Sarawak. Ini menjadikan jumlah kes rabies dalam kalangan manusia di Sarawak, sejak wabak diisytiharkan pada Julai 2017, adalah sebanyak 66 kes dengan 59 kematian.

Daripada 11 kes yang dilaporkan pada tahun 2023 ini, empat (4) kes masing-masing dari Bahagian Sibu dan Bahagian Serian, dua (2) kes dari Bahagian Kuching, dan satu (1) kes dari Bahagian Bintulu. Umur kes adalah dalam lingkungan enam (6) hingga 63 tahun. Lapan (8) kes yang dilaporkan pada tahun ini mempunyai sejarah digigit oleh anjing, dua (2) kes mempunyai sejarah digigit atau dicakar oleh kucing, manakala satu (1) kes tidak diketahui oleh ahli keluarga sama ada mempunyai sejarah digigit atau dicakar oleh haiwan.

Rabies merupakan penyakit sistem saraf yang disebabkan oleh jangkitan virus rabies. Virus ini terdapat dalam air liur haiwan yang dijangkiti dan boleh menjangkiti manusia melalui gigitan atau semasa kontak langsung dengan air liur haiwan yang dijangkiti, sama ada melalui luka atau lapisan mukosa tubuh, termasuklah kesan cakar oleh kucing peliharaan atau kucing liar. Ia boleh menyebabkan kematian sekiranya jangkitan tersebut merebak ke otak.

Masih terdapat risiko jangkitan rabies dalam kalangan manusia di Sarawak berikutan terdapat haiwan yang positif rabies. Justeru, orang awam dinasihati agar sentiasa mengambil langkah-langkah pencegahan bagi mengelakkan diri dari dijangkiti virus rabies; iaitu:

- i. sekiranya digigit atau dicakar atau terkena air liur haiwan, luka mesti SEGERA dicuci menggunakan air mengalir dan sabun sekurang-kurangnya selama 15 minit;
- ii. segera dapatkan rawatan di klinik kesihatan atau hospital terdekat;
- iii. pastikan vaksin anti-rabies LENGKAP diterima mengikut janji temu yang diberikan oleh pengamal perubatan; dan
- iv. tidak mengendalikannya sebarang haiwan liar, termasuk anjing dan kucing liar sama ada yang hidup mahupun yang telah mati.

Sejumlah 31 buah fasiliti KKM di seluruh Negeri Sarawak telah dikenal pasti bagi menyediakan perkhidmatan rawatan gigitan haiwan termasuk pemberian vaksin anti-rabies. Manakala sembilan (9) buah hospital turut memberikan perkhidmatan suntikan *Rabies Immunoglobulin* (RIG) kepada kes-kes berisiko tinggi.

KKM akan sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sarawak dalam usaha mencapai status Sarawak dan Malaysia bebas rabies menjelang tahun 2030. Justeru, semua penduduk Malaysia diminta agar sentiasa mematuhi semua nasihat dan arahan yang dikeluarkan oleh KKM, pihak berkuasa dan agensi berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR MUHAMMAD RADZI ABU HASSAN**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**16 Mei 2023**

**FASILITI KESIHATAN YANG MEMBERIKAN PERKHIDMATAN RAWATAN LUKA  
GIGITAN HAIWAN TERMASUK KEMUDAHAN VAKSINASI ANTI-RABIES  
(POST BITE CLINIC)**

BIL	FASILITI	BAHAGIAN	DAERAH
1	Hospital Umum Sarawak*	Kuching	Kuching
2	Hospital Bau	Kuching	Bau
3	Hospital Lundu	Kuching	Lundu
4	Klinik Kesihatan Asajaya	Samarahan	Asajaya
5	Hospital Simunjan	Samarahan	Simunjan
6	Hospital Serian*	Serian	Serian
7	Klinik Kesihatan Siburan	Serian	Serian
8	Hospital Sri Aman*	Sri Aman	Sri Aman
9	Klinik Kesihatan Lubok Antu	Sri Aman	Lubok Antu
10	Hospital Betong	Betong	Betong
11	Hospital Saratok	Betong	Saratok
12	Hospital Sarikei*	Sarikei	Sarikei
13	Hospital Sibu*	Sibu	Sibu
14	Hospital Bintulu*	Bintulu	Bintulu
15	Klinik Kesihatan Tatau	Bintulu	Tatau
16	Hospital Mukah	Mukah	Mukah
17	Hospital Daro	Mukah	Daro
18	Hospital Kapit*	Kapit	Kapit
19	Klinik Kesihatan Song	Kapit	Song
20	Klinik Kesihatan Sg Asap	Kapit	Belaga
21	Hospital Miri*	Miri	Miri
22	Hospital Marudi	Miri	Marudi
23	Klinik Kesihatan Long Lama	Miri	Marudi
24	Hospital Limbang*	Limbang	Limbang
25	Hospital Lawas	Limbang	Lawas
26	Klinik Kesihatan Selangau	Sibu	Selangau
27	Hospital Kanowit	Sibu	Kanowit
28	Klinik Kesihatan Tanah Puteh	Kuching	Kuching
29	Klinik Kesihatan Kota Samarahan	Samarahan	Samarahan
30	Klinik Kesihatan Tudan	Miri	Miri
31	Klinik Komuniti Padawan	Kuching	Kuching

**NOTA:** \* Fasiliti kesihatan yang turut memberikan perkhidmatan *Rabies Immunoglobulin* (RIG)